

Company Name : TDM Berhad
Date : 5 June 2023
Source : Berita Harian



KMI Healthcare menyediakan penjagaan kesihatan berkualiti dan perkhidmatan yang cekap pada harga mampu milik.

KMI Healthcare tinjau peluang bina hospital di Perlis

Cabang penjagaan kesihatan TDM Bhd iaitu Kumpulan Medic Iman Sdn Bhd (KMI Healthcare) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (SEDC Perlis) bagi pembangunan perkhidmatan kesihatan di Perlis.

Menurut satu kenyataan bersama, kedua-dua pihak berhasrat untuk meneroka peluang pembangunan hospital atau kemudahan kesihatan swasta di Perlis.

"Butiran lanjut akan ditentukan selepas penyelidikan lebih teliti oleh kedua-dua pihak," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif KMI Healthcare, Dr Rayney Azmi Ali, berkata Perlis dipilih atas permintaan masyarakat setempat dan saranan kerajaan negeri.

"Ia juga sebahagian daripada rancangan pembangunan strategik lima tahun KMI Healthcare untuk membangunkan perniagaan kesihatan kami agar lebih berdaya saing," katanya.

Beliau berkata, syarikat mahu mengimbangi kedudukan hospi-

tal di Pantai Timur khususnya di bandar besar seperti Kuala Terengganu dan Kuantan.

Tidak lama lagi, ia juga akan diperluaskan ke Kemaman dan Kelantan, tambah beliau.

KMI Healthcare kini mengendalikan lima hospital pakar iaitu KMI Kuala Terengganu Medical Centre, KMI Kuantan Medical Centre, KMI Taman Desa Medical Centre di Kuala Lumpur, KMI Kelana Jaya dan KMI Tawau Medical Centre.

Hospital KMI Healthcare menyediakan penjagaan kesihatan berkualiti dan perkhidmatan yang cekap pada harga mampu milik untuk manfaat komuniti.

Semua hospital yang dikendalikannya menyediakan bilik satu katil bagi memastikan tahap privasi dan keselesaan pesakit serta penjaga.

Dr Rayney
Azmi Ali

